

Perubatan Alternatif Islam: Satu Analisis Kefahaman di Kalangan Para Pelajar

BITARAVolume 4, Issue 2, 2021: 085-104
© The Author(s) 2021
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[Islamic Alternative Medicine: Study on Understanding of Analysis Among Students]

Normarlina Mohamad Lutpi¹ & Rushdi Ramli,¹

Abstrak

Perubatan alternatif Islam bukanlah perkara asing dalam masyarakat Malaysia malah mendapat tempat dan perhatian dalam masyarakat tanpa mengira usia. Bahkan ada kajian yang mengatakan bahawa pusat rawatan alternatif Islam akan berkembang lebih pesat dan maju pada masa kan datang. Objektif utama kajian ini adalah untuk menganalisis pemahaman pelajar mengenai hukum hakam dan kaedah yang berkaitan dengan perubatan alternatif Islam. Responden terdiri daripada 407 pelajar peringkat diploma di Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 21.0. Antara kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data dalam kajian ini adalah penyelidikan perpustakaan, temu bual dan sebaran soal selidik. Kaedah kuantitatif lebih dominan dalam kajian ini. Melalui pengumpulan data, hasil analisis deskriptif mendapati bahawa pemahaman pelajar mengenai hukum dan kaedah perubatan alternatif Islam berada pada tahap tinggi dan baik. Ini menunjukkan kepekaan pelajar terhadap perubatan alternatif Islam. Walau bagaimanapun, masih ada beberapa perkara yang perlu diberi penyelidikan khusus seperti memahami konsep penyembuhan penyakit dan bahan rawatan yang dilarang. Pelajar dinasihatkan untuk mempelajari asas perubatan Islam pada saluran yang betul seperti di Persatuan Kebajikan dan Perubatan Islam Malaysia (Darussyifa') kerana sebagai manusia kita tidak dapat lari daripada diuji dengan kesakitan. Dengan pengetahuan yang dipelajari daripada sumber yang betul, guru yang diakui, maka pelajar dapat menjaga diri mereka sendiri atau memilih rawatan perubatan yang patuh syariah agar mereka tidak mudah terpengaruh dengan perkara yang boleh merosakkan akidah dan amalan mereka.

Kata kunci:

Perubatan Alternatif Islam, Hukum Hakam, Darussyifa', Akidah.

Abstract

Alternative medicine Islam is not an alien thing in the Malaysian society and even gets a place and attention in society regardless of age. There is even a study saying that Islamic alternative treatment centers will grow more rapidly and forward in the future. The main objective of this study is to analyze the students' understanding of the laws and methods related to Islamic alternative medicine. Respondents comprised of 407 diploma-level students at Port Dickson Polytechnic, Negeri Sembilan. The data obtained were analyzed using Statistical Packages for Social Science (SPSS) version 21.0. Among the methods used to get the data in this study are library research, interviews and distribution of questionnaires. Quantitative methods are more dominant in this study. Through data collection, descriptive analysis results found that students' understanding of the law and the methods of Islamic

¹ Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), 50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA

Corresponding Author:

RUSHDI RAMLI, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), 50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA.
E-mail: sufism@um.edu.my

alternative medicine was at a high level and good. This shows the students' sensitivity towards Islamic alternative medicine. However, there are still some things that need to be given specific research such as understanding the concept of healing of illness and prohibited treatment materials. Students are advised to study the fundamentals of Islamic medicine in the correct channels as in the Malaysian Islamic Welfare and Medicine Association (Darussyifa') because as a human we can not escape from being tested with pain. With the knowledge learned from the right source, the teacher believes, then students can take care of themselves or choose shariah-compliant medical treatments so that they are not easily influenced by things that can spoil their creeds and practices.

Keywords:

Islamic Alternative Medicine, The law, Darussyifa', Creeds.

Cite This Article:

Normarlina Mohamad Lutpi & Rushdi Ramli. 2021. Perubatan alternatif Islam: Satu analisis kefahaman di kalangan para pelajar. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(2): 85-104.

Pengenalan

Setiap sakit yang menimpa manusia pasti ada penawarnya. Perkara ini jelas disebutkan di dalam hadis masyhur Rasulullah SAW yang bermaksud: “Tidaklah Allah menurunkan penyakit kecuali Dia juga menurunkan ubatnya” (Abi Abdillah Muhammad Yazid Al-Qazwini, 1998) (Hadis Riwayat Ibn Majah). Rawatan perubatan menyembuhkan sesuatu penyakit bukan sahaja bertumpu kepada rawatan alopatis yang ada di hospital semata-mata bahkan terdapat juga rawatan alternatif. Antara bidang amalan perubatan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia ialah Perubatan Tradisional Melayu, Perubatan Tradisional Cina, Perubatan Tradisional India, Homeopati, Kiropraktik, Osteopati dan Amalan Pengubatan Islam (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2019). Namun kajian ini lebih bertumpu kepada amalan pengubatan Islam sebagai rawatan alternatif.

Perubatan Alternatif Islam Di Malaysia

Rawatan alternatif perubatan Islam merupakan salah satu rawatan yang penting bagi masyarakat di Malaysia. Hal ini kerana majoriti masyarakat di Malaysia beragama Islam (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010).

Pusat rawatan alternatif berasaskan Perubatan Islam dan tradisional kian bercambah dan semakin berkembang di seluruh negara (Mohd Farhan Md Ariffin et al. 2015). Pusat-pusat ini menjadi tumpuan bagi pesakit yang mengalami masalah kesihatan yang tiada ikhtiar cara rawatan samada di klinik mahupun hospital. Bahkan terdapat pesakit hampir putus harapan terhadap sakit yang dihidapi oleh mereka (Ariffin et al. 2013). Pesakit terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira agama, bangsa, umur dan jantina. Malah terdapat juga pesakit yang terdiri daripada golongan pelajar. Situasi ini diakui melalui laporan akhbar yang mengatakan golongan belia juga terlibat sebagai pengamal perubatan Islam (Utusan Online, 2015).

Selaras dengan perkembangan rawatan perubatan Islam, masyarakat yang sakit kini cenderung untuk mendapatkan rawatan alternatif sebagai jalan keluar untuk mendapatkan kesembuhan. Rawatan alternatif yang termasuk dalam kelompok perubatan Islam harus difahami oleh orang awam atau pesakit dengan bersungguh-sungguh supaya mereka tidak terjebak dengan perubatan yang melanggar prinsip hukum syarak dan akidah.

Masyarakat diperlihatkan metode bacaan dalam rawatan perubatan Islam banyak menggunakan ayat-ayat Al-Quran, doa sabit daripada hadis Rasulullah SAW dan selawat ke atas Rasulullah SAW. Bahkan Al-Quran merupakan penawar kepada sakit yang dihadapi samada sakit yang berbentuk rohani atau jasmani. Banyak kes yang terjadi kepada pesakit yang mengamalkan bacaan Al-Quran secara konsisten, akhirnya dengan izin Allah SWT pesakit tersebut telah sembuh (Izzat, 2007). Usaha ini perlu agar para pelajar celik ilmu dan peka kepada pengetahuan mengenai perubatan Islam. Hal ini bagi memelihara maqāsid syariah iaitu memelihara kesucian agama agar para pelajar tidak menjebakkan diri kepada perkara-perkara yang boleh merosakkan akidah dan mengancam nyawa. Contohnya ialah mendatangi bomoh dan pemakaian tangkal. Situasi ini telah pun berlaku di kalangan mahasiswa yang mempercayai kata-kata bomoh sehingga terjadinya kes dera dan kematian terhadap Allahyarham Zulfarhan.

Isu dan Cabaran

Pada 1 Jun 2017, negara Malaysia telah dikejutkan dengan berita kematian mahasiswa UPNM yang bernama Zulfarhan Osman (Karim Raslan, 2017). Kematian pelajar ini adalah akibat didera oleh rakan-rakannya kerana dituduh mencuri komputer riba milik rakannya (Nor Azura Abdul Jalil, 2018). Pelajar-pelajar ini dilaporkan telah merujuk situasi ini kepada pengamal perubatan Islam dan telah mempercayai kata-kata pengamal perubatan tersebut (Nor Azura Abdul Jalil, 2018). Peristiwa ini menjadi sejarah yang mendukacitakan bagi masyarakat di Malaysia. Melalui peristiwa ini juga penyelidik berpendapat perlu dilakukan kajian berkenaan kefahaman para pelajar terhadap rawatan perubatan Islam. Hal ini bagi melihat sejauhmanakah kefahaman para pelajar terhadap hukum dan kaedah rawatan perubatan Islam yang sebenarnya.

Selain itu melalui kajian yang dijalankan terdapat cadangan berkaitan usaha untuk menyampaikan ilmu mengenai perubatan Islam perlu dipergiatkan lagi (Mohd Farhan Md Ariffin, Khadher Ahmad, 2015). Usaha ini perlu agar para pelajar celik ilmu dan peka kepada pengetahuan mengenai perubatan Islam. Hal ini bagi memelihara maqāsid syariah iaitu memelihara kesucian agama agar para pelajar tidak menjebakkan diri kepada perkara-perkara yang boleh merosakkan akidah dan mengancam nyawa. Contohnya ialah mendatangi bomoh dan pemakaian tangkal. Situasi ini telah pun berlaku di kalangan mahasiswa yang mempercayai kata-kata bomoh sehingga terjadinya kes dera dan kematian terhadap Allahyarham Zulfarhan (Ibrahim Isa, 2017). Kes ini telah menggemparkan negara kerana terjadi di kalangan mahasiswa yang cerdas pandai. Malah sehingga kini kes masih dalam perbicaraan di mahkamah.

Bagi konteks pelajar, secara umumnya para pelajar memahami perawat perubatan Islam ini digelar dengan gelaran 'ustaz' bagi perawat lelaki dan 'ustazah' bagi perawat perempuan. Bahkan pelajar mahupun masyarakat mudah menggelarkan perawat-perawat sebegini dengan gelaran yang sepatutnya diberikan kepada golongan agamawan. Jika perkara ini tidak dijelaskan dengan betul, maka dikhuatiri akan mendatangkan fitnah terhadap golongan 'ustaz'

dan ‘ustazah’. Hal ini kerana terdapat perawat-perawat yang memulakan rawatan dengan bacaan Basmalah, selawat ke atas Rasulullah SAW, bacaan ayat-ayat tertentu daripada Al-Quran tetapi selepas itu mereka membaca jampi mantera yang tidak difahami oleh pesakit. Malah terdapat juga dikalangan mereka merawat pesakit dengan kaedah yang meragukan seperti merawat pesakit yang berlainan jantung secara berdua-duaan di dalam bilik.

Jika perkara ini tidak dibendung dan difahami secara mendalam, maka golongan agamawan akan dipandang serong oleh masyarakat. Menurut Haron Din gelaran ‘ustaz’ dan ‘ustazah’ ini mempunyai kedudukan yang sangat tinggi disisi masyarakat (Haron Din, 2015). Golongan ini biasanya menjadi rujukan bagi masyarakat dan apabila mereka membuat perkara yang bertentangan dengan norma agama, maka masyarakat akan hilang kepercayaan terhadap mereka.

Skop Kajian

Penulisan ini adalah bertujuan untuk menilai tahap kefahaman para pelajar peringkat pengajian diploma di Politeknik Port Dickson daripada semester satu hingga enam pelbagai jurusan. Tumpuan kajian merangkumi hukum dan kaedah yang berkaitan dengan perubatan alternatif Islam. Persoalan mengenai hukum adalah untuk melihat tahap kefahaman pelajar mengenai hukum hakam yang berkait dengan perubatan alternatif Islam. Manakala persoalan mengenai kaedah adalah bagi mengetahui tahap kefahaman pelajar berkenaan dengan kaedah perubatan alternatif Islam.

Pemilihan Politeknik Port Dickson sebagai tempat kajian kerana sebelum ini terdapat pusat rawatan alternatif Ba Tha Mim 114 yang aktif beroperasi berhampiran dengan politeknik. Malahan jika terdapat kes-kes histeria atau gangguan di kalangan pelajar, pengamal perubatan daripada kumpulan tersebut akan dipanggil oleh pihak tertentu bagi membantu memberikan rawatan kepada pelajar. Malangnya pihak Kerajaan Mufti Negeri Sembilan telah mengeluarkan fatwa berkaitan kumpulan Ba Tha Mim 114 yang didapati bercanggah dengan syariah dan ahli-ahli kumpulan berkenaan disarankan untuk bertaubat (JAKIM, 2019). Selepas fatwa dikeluarkan pada tahun 2015, ahli kumpulan ini masih meneruskan operasi rawatan tetapi telah menukar nama kumpulan mereka kepada Pamim dan Persatuan Rawatan Islam (Penyelidik, 2019). Hasil temubual, dimaklumkan terdapat pelajar-pelajar Politeknik Port Dickson yang menjadi ahli kumpulan Pamim. Kumpulan ini juga menyasarkan golongan muda dan para pelajar untuk menjadi ahli kumpulan mereka (Temubual, 2019). Melihat kepada situasi ini, penyelidik merasakan perlu dijalankan kajian bagi melihat sejauhmana kefahaman para pelajar terhadap perubatan alternatif Islam agar mereka tidak mudah menjebakkan diri mahupun terpengaruh dalam rawatan yang bersalahan dengan syariat Islam yang sebenar.

Metodologi Kajian

Kaedah pengumpulan data adalah melalui satu set borang soal selidik. Sebelum data sebenar diambil, kajian rintis telah dijalankan terhadap 74 orang pelajar untuk menilai tahap kebolehppercayaan soal selidik tersebut. Hasil *cronbach alpha* yang diperolehi menunjukkan

nilai .902. Nilai ini lebih besar daripada nilai yang telah ditetapkan sebanyak 0.6. Maka, tahap kebolehpercayaan (*validity*) borang kaji selidik ini adalah diperakui.

Reliability Statistics	
Cronbach's Alpha	N of Items
.902	11

Sumber: Soal Selidik 2019

Setelah itu, data akan dianalisis menggunakan metode frekuensi (kekerapan) melalui perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Bagi soalan Bahagian B, penyelidik menggunakan soalan berbentuk skala likert (5 skala mata) iaitu *Sangat Tidak Setuju, Tidak Setuju, Kurang Setuju, Setuju, dan Sangat Setuju*.


Skala Jawapan	Julat Skor	Tahap Kefahaman
-Sangat Tidak Setuju -Tidak Setuju	1.00 hingga 2.33	Rendah
-Kurang Setuju	2.34 hingga 3.66	Sederhana
-Setuju -Sangat Setuju	3.67 hingga 5.00	Tinggi

Kategori tahap penilaian kefahaman telah ditetapkan seperti dalam jadual di atas iaitu kefahaman Rendah, Sederhana dan Tinggi (Mohd Najib Abdul Ghafar, 2003). Oleh itu penyelidik akan menyimpulkan skala jawapan dan tahap kefahaman responden berdasarkan hasil julat skor yang diperolehi nanti. Penulisan ini berguna untuk menganalisis sejauhmana kefahaman para pelajar terhadap perubahan alternatif Islam agar golongan seperti mereka tidak mudah terjebak terhadap rawatan perubahan yang bercampur dengan unsur-unsur yang syirik. Selain itu analisis ini amat penting bagi memperkukuhkan lagi pengisian dan silibus Pendidikan Islam di Politeknik Malaysia.

Analisis Kajian

Bahagian A: Profil Responden

Pertama: Jantina Pelajar




Seramai 407 orang responden yang terlibat dalam soal selidik kajian ini. Berdasarkan kepada carta pai, jantina responden didominasi oleh lelaki sebanyak 57% (230 orang) manakala perempuan sebanyak 43% (177 orang).

Jantina	Bilangan (N)	Min Kefahaman
Lelaki	230	4.1482
Perempuan	177	4.1864
Jumlah	407	-

Analisis: Hasil analisis menunjukkan nilai min kefahaman perempuan adalah sebanyak 4.1864 yang membawa maksud tinggi dan baik. Kefahaman para pelajar perempuan lebih tinggi daripada para pelajar lelaki. Manakala nilai min kefahaman para pelajar lelaki adalah sebanyak 4.1482 yang berada di tahap yang tinggi dan baik juga.

Kedua: Umur Pelajar




Responden dalam kajian ini terdiri daripada pelbagai peringkat umur. Merujuk kepada carta pai bilangan responden yang berumur antara 18 hingga 19 tahun mempunyai jumlah 40% (163 orang), diikuti responden yang berumur antara 20 hingga 21 tahun mempunyai bilangan majoriti sebanyak 52% (210 orang), kemudian responden yang berumur antara 22 hingga 23 tahun sebanyak 6% (25 orang), seterusnya responden yang berumur antara 24 hingga 25 tahun dengan jumlah minoriti 2% (9 orang) sahaja.

Umur	Bilangan (N)	Min Kefahaman
18 – 19 tahun	163	4.1818
20 – 21 tahun	210	4.1455
22 – 23 tahun	25	4.1527
24 – 25 tahun	9	4.3434
Jumlah	407	-

Analisis: Berhubung dengan hasil analisis ini menunjukkan nilai min kefahaman para pelajar yang berumur antara 24 – 25 tahun sebanyak 4.3434. Ini dapat difahami bahawa apabila semakin matang, kefahaman pelajar menjadi semakin baik.

Ketiga: Status Perkahwinan




Majoriti daripada para pelajar masih lagi bujang dengan bilangan sebanyak 99% (402 orang) manakala 1% (5 orang) pelajar yang sudah berkahwin. Tiada rekod bagi status janda, duda atau balu.

Status Perkahwinan	Bilangan (N)	Min Kefahaman
Bujang	402	4.1608
Berkahwin	5	4.4909
Jumlah	407	-

Analisis: Maklumat status perkahwinan ini diambil bagi melihat kefahaman para pelajar yang berlainan status. Umum mengetahui perkahwinan boleh memberi impak terhadap

pemikiran, kefahaman dan kematangan kepada seseorang. Hasil analisis membuktikan min kefahaman pelajar yang telah berkahwin adalah sebanyak 4.4909 lebih tinggi daripada pelajar yang berstatus bujang. Kefahaman pelajar yang sudah berkahwin adalah lebih baik daripada pelajar yang berstatus bujang.

Keempat: Jabatan Pengajian Pelajar




Berkenaan jabatan pengajian para pelajar, majoritinya adalah dari Jabatan Perdagangan sebanyak 36% (147 orang), diikuti oleh Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) 33% (133 orang), seterusnya Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA) sebanyak 19% (78 orang) dan bilangan minima dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal 12% (49 orang).

Jabatan Pengajian	Bilangan (N)	Min Kefahaman
JKM	49	4.2746
JP	147	4.2245
JKA	78	4.1166
JKE	133	4.0868
Jumlah	407	-

Analisis: Berpandukan hasil analisis deskriptif, para pelajar dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal mempunyai kefahaman paling tinggi berbanding dari jabatan pengajian yang lain. Nilai min kefahaman JKM sebanyak 4.2746. Kesemua nilai min yang diperolehi dari setiap jabatan menunjukkan nilai min kefahaman yang tinggi. Ini bermaksud kefahaman pelajar daripada setiap jabatan berada di tahap yang tinggi dan baik.

Kelima: Semester Pengajian Pelajar




Seterusnya adalah berkaitan dengan semester pengajian pelajar. Majoriti responden kajian adalah daripada semester 2 iaitu sebanyak 35% (142 orang), diikuti semester 4 sebanyak 19% (77 orang), kemudian semester 5 sebanyak 18% (73 orang), seterusnya semester 1 sebanyak 16% (64 orang), semester 6 sebanyak 8% (35 orang) dan bilangan minoriti daripada semester 3 dengan bilangan sebanyak 4% (16 orang).

Semester	Bilangan (N)	Min Kefahaman
1	64	4.1236
2	142	4.2254
3	16	3.9034
4	77	4.000
5	73	4.3088
6	35	4.1766
Jumlah	407	-

Analisis: Maklumat semester pelajar diperlukan bagi melihat sejauhmana tahap kefahaman para pelajar terhadap perubatan alternatif Islam. Pelajar yang lebih tinggi semesternya sepatutnya lebih faham akan sesuatu perkara dengan baik. Hal ini berdasarkan pengalaman mereka yang menuntut ilmu lebih lama daripada pelajar yang berada di semester yang rendah. Hasil daripada analisis deskriptif menunjukkan kefahaman para pelajar yang berada di semester atas, mempunyai kefahaman yang lebih tinggi berbanding pelajar yang berada di semester rendah.

Keenam: Jenis Sekolah Menengah



Merujuk kepada carta pai, dapatan kajian mendapati majoriti daripada para pelajar bersekolah di sekolah bukan agama (bukan aliran agama) sebanyak 92% (373 orang) manakala 8% (34 orang) para pelajar dari sekolah agama (aliran agama).

Jenis Sekolah Menengah	Bilangan (N)	Min Kefahaman
Sekolah Bukan Agama	373	4.1587
Sekolah Agama	34	4.2326
Jumlah	407	-

Analisis: Hasil analisis menunjukkan para pelajar yang belajar di sekolah agama (aliran agama) mempunyai min kefahaman sebanyak 4.2326 manakala para pelajar yang belajar di sekolah bukan agama (bukan aliran agama) mendapat min kefahaman sebanyak 4.1587. Para pelajar yang belajar di sekolah agama mempunyai kefahaman yang lebih tinggi daripada para pelajar yang belajar di sekolah bukan agama.

Bahagian B: Kefahaman Pelajar Terhadap Perubatan Alternatif Islam

Dalam bahagian ini, penyelidik menganalisis kefahaman responden terhadap perubatan alternatif Islam berdasarkan dua konstruk utama iaitu:

- (1) Kefahaman responden terhadap hukum yang berkait dengan perubatan alternatif Islam
- (2) Kefahaman responden terhadap kaedah perubatan alternatif Islam

Soalan B1 – B11 merupakan dapatan kajian yang telah dijawab oleh responden.

- (1) *Kefahaman responden terhadap hukum yang berkait dengan perubatan alternatif Islam*

B1: Hukum berubat dengan bomoh, pawang, dukun adalah haram.

Skala Jawapan	Frekuensi (Kekerapan)	Valid Percent
Sangat Tidak Setuju	17	4.2
Tidak Setuju	4	1.0
Kurang Setuju	28	6.9
Setuju	55	13.5
Sangat Setuju	303	74.4
Jumlah	407	100.0

Sumber: Soal Selidik 2019

Berdasarkan jadual di atas, taburan tertinggi seramai 303 orang (74.4%) menjawab *Sangat Setuju* berkaitan hukum berubat dengan bomoh, pawang dan dukun adalah haram. Kelompok responden yang menjawab *Tidak Setuju* mencatatkan jumlah terendah seramai 4 orang (1.0%).

B2: Hukum memakai tangkal, azimat dan wafak adalah haram.

Skala Jawapan	Frekuensi (Kekerapan)	Valid Percent
Sangat Tidak Setuju	20	4.9
Tidak Setuju	5	1.2
Kurang Setuju	20	4.9
Setuju	43	10.6
Sangat Setuju	319	78.4
Jumlah	407	100.0

Sumber: Soal Selidik 2019

Dalam jadual di atas, taburan tertinggi seramai 319 orang (78.4%) menjawab *Sangat Setuju* berkenaan hukum memakai tangkal, azimat dan wafak adalah haram. Manakala kelompok responden yang menjawab *Tidak Setuju* mencatatkan jumlah terendah seramai 5 orang (1.2%).

B3: Perawat yang merawat dengan bacaan ayat-ayat Al-Quran dan bercampur dengan jampi serapah yang tidak difahami maknanya adalah haram.

Skala Jawapan	Frekuensi (Kekerapan)	Valid Percent
Sangat Tidak Setuju	20	4.9
Tidak Setuju	6	1.5
Kurang Setuju	51	12.5
Setuju	79	19.4
Sangat Setuju	251	61.7
Jumlah	407	100.0

Sumber: Soal Selidik 2019

Melalui jadual di atas, taburan tertinggi responden yang menjawab *Sangat Setuju* adalah seramai 251 orang (61.7%) berkenaan perawat yang merawat dengan bacaan ayat-ayat Al-Quran dan bercampur dengan jampi serapah yang tidak difahami maknanya adalah haram. Jumlah terendah dicatatkan bagi responden yang menjawab *Tidak Setuju* dengan jumlah seramai 6 orang (1.5%).

B4: Harus hukumnya memberi upah kepada perawat.

Skala Jawapan	Frekuensi (Kekerapan)	Valid Percent
Sangat Tidak Setuju	25	6.1
Tidak Setuju	24	5.9
Kurang Setuju	131	32.2
Setuju	166	40.8
Sangat Setuju	61	15.0
Jumlah	407	100.0

Sumber: Soal Selidik 2019

Jadual di atas menunjukkan taburan tertinggi telah dijawab oleh responden adalah *Setuju* dengan jumlah seramai 166 orang (40.8). Majoriti bersetuju berkenaan harus hukumnya memberikan upah kepada perawat. Manakala jumlah terendah dicatatkan bagi responden yang menjawab *Tidak Setuju* dengan jumlah seramai 24 orang (5.9%).

B5: Meminta pertolongan jin atau makhluk halus dalam rawatan adalah dilarang.

Skala Jawapan	Frekuensi (Kekerapan)	Valid Percent
Sangat Tidak Setuju	21	5.2
Tidak Setuju	6	1.5
Kurang Setuju	29	7.1
Setuju	54	13.3
Sangat Setuju	297	73.0
Jumlah	407	100.0

Sumber: Soal Selidik 2019

Dalam jadual di atas, taburan tertinggi seramai 297 orang (73.0%) yang menjawab *Sangat Setuju* meminta pertolongan jin atau makhluk halus dalam rawatan adalah dilarang. Manakala kelompok responden yang menjawab *Tidak Setuju* mencatatkan jumlah terendah seramai 6 orang (1.5%).

B6: Bahan-bahan rawatan yang haram untuk digunakan adalah seperti darah, bangkai, khinzir, anjing dan cecair memabukkan atau arak.

Skala Jawapan	Frekuensi (Kekerapan)	Valid Percent
Sangat Tidak Setuju	23	5.7
Tidak Setuju	5	1.2
Kurang Setuju	25	6.1
Setuju	51	12.5
Sangat Setuju	303	74.4
Jumlah	407	100.0

Sumber: Soal Selidik 2019

Dalam jadual di atas, taburan tertinggi seramai 303 orang (74.4%) menjawab *Sangat Setuju* bahan-bahan rawatan yang haram untuk digunakan adalah seperti darah, bangkai, khinzir, anjing dan cecair memabukkan atau arak. Kelompok responden yang menjawab *Tidak Setuju* mencatatkan jumlah terendah seramai 5 orang (1.2%).

(2) *Kefahaman responden terhadap kaedah perubatan alternatif Islam.*

B7: Perawat diharuskan menepuk dengan kadar yang sederhana pada bahagian badan pesakit yang sama jantung seperti dada dan belakangnya.

Skala Jawapan	Frekuensi (Kekerapan)	Valid Percent
Sangat Tidak Setuju	36	8.8
Tidak Setuju	18	4.4
Kurang Setuju	119	29.2
Setuju	160	39.3
Sangat Setuju	74	18.2
Jumlah	407	100.0

Sumber: Soal Selidik 2019

Berdasarkan jadual di atas, taburan tertinggi seramai 160 orang (39.3%) menjawab *Setuju* perawat diharuskan menepuk dengan kadar yang sederhana pada bahagian badan pesakit yang sama jantung seperti dada dan belakangnya. Manakala kelompok responden yang menjawab *Tidak Setuju* mencatatkan jumlah terendah seramai 18 orang (4.4%).

B8: Saya perlu mengelakkan sebarang kaedah rawatan yang meragukan seperti rawatan di dalam bilik yang gelap berlainan jantina antara perawat dan pesakit.

Skala Jawapan	Frekuensi (Kekerapan)	Valid Percent
Sangat Tidak Setuju	23	5.7
Tidak Setuju	6	1.5
Kurang Setuju	42	10.3
Setuju	77	18.9
Sangat Setuju	259	63.6
Jumlah	407	100.0

Sumber: Soal Selidik 2019

Dalam jadual di atas, taburan tertinggi seramai 259 orang (63.6%) menjawab *Sangat Setuju* perlu mengelakkan sebarang kaedah rawatan yang meragukan seperti rawatan di dalam bilik yang gelap berlainan jantina antara perawat dan pesakit. Manakala kelompok responden yang menjawab *Tidak Setuju* mencatatkan jumlah terendah seramai 6 orang (1.5%).

B9: Perawat yang patuh syariah tidak akan menggunakan kemenyan dalam rawatannya.

Skala Jawapan	Frekuensi (Kekerapan)	Valid Percent
Sangat Tidak Setuju	16	3.9
Tidak Setuju	10	2.5
Kurang Setuju	59	14.5
Setuju	84	20.6
Sangat Setuju	238	58.5
Jumlah	407	100.0

Sumber: Soal Selidik 2019

Dalam jadual di atas, taburan tertinggi seramai 238 orang (58.5%) responden menjawab *Sangat Setuju* perawat yang patuh syariah tidak akan menggunakan kemenyan dalam rawatannya. Manakala kelompok responden yang menjawab *Tidak Setuju* mencatatkan jumlah terendah seramai 10 orang (2.5%).

B10: Saya percaya kaedah rawatan perawat boleh menyembuhkan penyakit.

Skala Jawapan	Frekuensi (Kekerapan)	Valid Percent
Sangat Tidak Setuju	22	5.4
Tidak Setuju	15	3.7
Kurang Setuju	126	31.0
Setuju	125	30.7
Sangat Setuju	119	29.2
Jumlah	407	100.0

Sumber: Soal Selidik 2019

Dalam jadual di atas, taburan tertinggi seramai 126 orang (31.0%) responden menjawab *Kurang Setuju* berkaitan dengan kepercayaan mereka terhadap kaedah rawatan perawat boleh menyembuhkan penyakit. Manakala kelompok responden yang menjawab *Tidak Setuju* mencatatkan jumlah terendah seramai 15 orang (3.7%).

B11: Pesakit mestilah boleh mendengar dengan jelas akan bacaan ruqyah perawat atau jampi yang diharuskan.

Skala Jawapan	Frekuensi (Kekerapan)	Valid Percent
Sangat Tidak Setuju	9	2.2
Tidak Setuju	11	2.7
Kurang Setuju	92	22.6
Setuju	143	35.1
Sangat Setuju	152	37.3
Jumlah	407	100.0

Sumber: Soal Selidik 2019

Dalam jadual di atas, taburan tertinggi seramai 152 orang (37.3%) responden menjawab *Sangat Setuju* pesakit mestilah boleh mendengar dengan jelas akan bacaan ruqyah perawat atau jampi yang diharuskan. Manakala kelompok responden yang menjawab *Sangat Tidak Setuju* mencatatkan jumlah terendah seramai 9 orang (2.2%).

Perbincangan Kajian

Berdasarkan perbincangan dalam Bahagian A, majoriti responden memahami hukum dan kaedah perubatan alternatif Islam dengan baik sekali. Nilai min antara setiap profil telah dapat dilihat berdasarkan kepada jadual analisis yang disertakan. Dapatan menunjukkan jantina responden daripada kalangan perempuan lebih memahami hukum dan kaedah tetapi pemahaman daripada

responden lelaki juga berada di tahap yang baik dan tinggi. Jika dilihat melalui isu dan cabaran yang diketengahkan menunjukkan bahawa peristiwa berlaku di kalangan pelajar lelaki. Maka tidak hairan jika dapatan kajian menunjukkan pemahaman responden perempuan adalah lebih tinggi. Bagi kategori umur responden, hasil analisis mendapati pelajar yang lebih tua mempunyai tahap kefahaman yang lebih tinggi. Namun keseluruhan tahap umur responden juga mempunyai kefahaman yang tinggi dan baik. Berdasarkan kepada isu yang dibincangkan, kesemua tertuduh berumur 21 tahun ketika peristiwa pembunuhan Zulfarhan berlaku. Dapatan kajian mendapati lingkungan umur antara 22 hingga 25 tahun menunjukkan kefahaman yang lebih baik berbanding umur 20 hingga 21 tahun.

Bagi profil status perkahwinan responden samada bujang atau berkahwin menunjukkan tahap kefahaman yang tinggi dan baik tetapi bagi responden yang sudah berkahwin mempunyai kefahaman yang lebih tinggi. Melalui isu yang diketengahkan menunjukkan para pelaku pembunuhan Zulfarhan adalah berstatus bujang. Seterusnya untuk profil jabatan pengajian responden samada dari JKM, JP, JKA dan JKE, menunjukkan tahap kefahaman yang tinggi dan baik namun responden dari JKM mempunyai kefahaman yang lebih tinggi. Bagi kategori semester pula responden daripada semester 1 hingga 6 mempunyai kefahaman yang tinggi dan baik tetapi responden dari semester 5 mempunyai kefahaman yang lebih tinggi.

Manakala bagi profil sekolah menengah responden menunjukkan tahap kefahaman bagi responden yang belajar di sekolah bukan agama dan sekolah agama mempunyai nilai yang tinggi dan baik namun responden yang belajar di sekolah agama lebih tinggi tahap pemahaman mereka.

Tahap pemahaman responden terhadap hukum yang berkaitan dengan perubatan alternatif Islam juga tinggi apabila peratusan tertinggi responden mengatakan Sangat Setuju hukum berubat dengan bomoh, pawang dan dukun adalah haram. Ini dapat dibuktikan juga melalui kajian yang dijalankan di kalangan masyarakat Melayu-Muslim di Kelantan dan Terengganu menunjukkan majoriti responden menyatakan kenalan di sekeliling mereka tidak menggalakkan mereka untuk berubat melalui bomoh atau dukun. Malah institusi perbomohan tidak lagi memainkan peranan penting di dalam masyarakat Melayu sekarang (Nurdeng Deuraseh, 2013). Apabila masyarakat mula menolak berubat melalui bomoh atau dukun, maka permintaan terhadap perkara ini berkurang dan dapat menjaga maqāsid syariah iaitu memelihara kesucian agama. Selain itu majoriti responden mengatakan Sangat Setuju hukum memakai tangkal, azimat dan wafak adalah haram. Perkara ini disokong oleh ucapan Syeikh 'Atiyyah Saqar "sesiapa yang mempercayai sesuatu khurafat seperti kayu kokka sebagai tangkal pelindung yang dapat menghindarkan syaitan dan iblis, memurahkan rezeki dan menyembuhkan penyakit adalah pelaku syirik kerana segala itu adalah hak Allah SWT semata-mata" (Zaharuddin Abdul Rahman, 2011).

Majoriti responden juga menjawab Sangat Setuju perawat yang merawat dengan bacaan ayat-ayat Al-Quran dan bercampur dengan jampi serapah yang tidak difahami maknanya adalah haram. Haron Din menyebutkan bacaan doa (ruqyah) digalakkan sekiranya memenuhi tiga syarat utama iaitu menggunakan ayat-ayat Al-Quran dan Al-Sunnah atau ruqyah dalam bahasa Arab yang difahami maknanya serta tidak bertetangan dengan syara', boleh membaca ruqyah dengan apa jua bahasa tetapi mestilah difahami maknanya dan tidak ada percanggahan syara' serta perawat hendaklah beriktikad kesembuhan hanyalah milik Allah (Haron Din, 2009). Menurut Amran Kasimin, menggunakan kalimah yang tidak diketahui maknanya

ditakuti terdiri daripada nama-nama sembah orang kafir. Akibat pemujaan terhadap nama-nama iblis, syaitan dan berhala boleh menyebabkan syirik (Amran Kasimin, 2009). Apabila responden dapat memahami kaedah rawatan dengan baik, ia dapat menjaga diri mereka daripada terjebak dengan perkara-perkara syirik. Selain itu juga majoriti responden mengatakan Setuju harus hukumnya memberi upah kepada perawat. Sheikh Abu Al-Barra' Usamah mengatakan boleh menerima upah ruqyah berdasarkan hadis Abu Sa'id Al-Khudri (Al-Ma'ani, 2017).

Seterusnya majoriti responden menjawab *Sangat Setuju* meminta pertolongan jin atau makhluk halus dalam rawatan adalah dilarang. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Surah Al-Jin 72:6:

وَأَنَّهُ كَانَ رِجَالٌ مِّنَ الْإِنسِ يَعُوذُونَ بِرِجَالٍ مِّنَ الْجِنِّ فَزَادُوهُمْ رَهَقًا

Terjemahan: Dan bahawasanya ada beberapa orang laki-laki di antara manusia meminta perlindungan kepada beberapa laki-laki di antara jin, maka jin-jin itu menambah bagi mereka dosa dan kesalahan.

Ismail Kamus juga menyebutkan jika memohon kepada makhluk tidak akan mendapat sebarang manfaat (Ismail Kamus, 2017). Seterusnya majoriti responden menjawab Sangat Setuju bahan-bahan rawatan yang haram untuk digunakan adalah seperti darah, bangkai, khinzir, anjing dan cecair memabukkan atau arak. Perkara ini juga telah diberikan garis panduan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Negeri Sembilan (Bahagian Penyelidikan, 2017). Apabila perawat digelar 'ustaz' atau 'ustazah', mustahil mereka akan menggunakan bahan-bahan rawatan yang diharamkan dalam kaedah rawatan mereka. Perkara ini sedikit sebanyak dapat membantu para pelajar untuk mengenalpasti perawat perubatan Islam yang sah.

Meneliti pecahan daripada kefahaman responden terhadap kaedah perubatan alternatif Islam, majoriti responden menjawab Setuju perawat diharuskan menepuk dengan kadar yang sederhana pada bahagian badan pesakit yang sama jantina seperti dada dan belakangnya. Perkara ini juga termaktub di dalam garis panduan perubatan menurut Islam oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Negeri Sembilan (Bahagian Penyelidikan 2017). Seterusnya majoriti responden menyatakan Sangat Setuju perlu mengelakkan sebarang kaedah rawatan yang meragukan seperti rawatan di dalam bilik yang gelap berlainan jantina antara perawat dan pesakit. Ini juga ditegaskan oleh Sheikh Abu Al-Barra' Usamah dengan menyebutkan peruyah perlu menjauhi tempat-tempat yang meragukan (Al-Ma'ani, 2017). Antara etika sebelum rawatan adalah tidak dibenarkan mengubati pesakit perempuan kecuali disertai oleh mahramnya (Wahid Abdussalam Bali, 2012). Apatah lagi berada di tempat yang meragukan berdua-duaan antara lelaki dan perempuan pasti mengundang fitnah yang besar.

Selain itu kebanyakan responden menjawab Sangat Setuju perawat yang patuh syariah tidak akan menggunakan kemenyan dalam rawatannya. Hal ini kerana penggunaan kemenyan ini sangat sinonim dengan amalan perubatan pawang, bomoh dan dukun. Apatah lagi kemenyan ini mengeluarkan bau asap yang kurang menyenangkan. Bau dan asap yang keluar daripada bakaran kemenyan merupakan bahan yang digemari yang juga makanan jin (Amran Kasimin, 2009). Asap merupakan makanan jin dan bau busuk merupakan kesukaan syaitan. Apabila perkara ini difahami, maka sudah tentu para pelajar dapat membezakan antara perawat

perubatan Islam yang sahih atau palsu. Kebanyakan responden juga menyatakan *Kurang Setuju* berkaitan dengan kepercayaan mereka terhadap kaedah rawatan perawat boleh menyembuhkan penyakit. Hal ini kerana kesembuhan hanyalah milik Allah sebaliknya kaedah rawatan merupakan salah satu cara ikhtiar perawat keatas pesakit. Allah SWT berfirman dalam Surah Asy-Syu'ara' (26):80:

وَإِذَا مَرَضْتُمْ فَهُوَ يُشْفِين

Terjemahan: dan apabila aku sakit, Dialah yang menyembuhkan aku.

Berdasarkan kepada ayat di atas, Allah sahaja yang menyembuhkan segala penyakit. Kesembuhan diberikan kepada sesiapa sahaja yang berikhtiar dan sentiasa berdoa memohon kesembuhan daripada Allah (Haron Din, 2011). Selanjutnya majoriti responden menjawab *Sangat Setuju* pesakit mestilah boleh mendengar dengan jelas akan bacaan ruqyah perawat atau jampi yang diharuskan. Perkara ini telah ditegaskan oleh Sheikh Abu Al-Barra' Usamah yang mengatakan peruyah perlu mengelakkan membaca ayat-ayat ruqyah dengan suara yang perlahan sehingga pesakit tidak dapat membezakan bacaan apa yang dibaca, apa yang diucapkannya dan apa yang sedang dilakukan oleh peruyah (Al-Ma'ani, 2017). Hal ini bagi membuang salah faham dan kekeliruan pesakit atau keluarga pesakit terhadap perawat.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, melalui jawapan yang diberikan oleh responden, didapati tahap kefahaman responden mengenai hukum dan kaedah yang berkaitan dengan perubatan alternatif Islam adalah di tahap yang tinggi dan baik.

Terdapat juga responden yang masih samar-samar berhubung dengan konsep penyembuhan penyakit. Ini dapat dibuktikan melalui jawapan yang diberikan oleh responden berkaitan dengan kepercayaan mereka terhadap kaedah rawatan perawat boleh menyembuhkan penyakit. Apabila digabungkan, jumlah responden yang menjawab *Setuju* dan *Sangat Setuju* seramai 244 orang iaitu melebihi 50% daripada jumlah keseluruhan responden. Sedangkan hakikat kesembuhan adalah milik Allah bahkan tiada kena mengena dengan kaedah rawatan perawat. Kaedah rawatan merupakan ikhtiar kepada proses kesembuhan. Penyelidik mencadangkan agar para pensyarah Pendidikan Islam lebih menekankan perkara ini di dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bawah topik akidah.

Melalui temubual yang dijalankan terhadap responden, majoriti responden amat berminat untuk mempelajari ilmu perubatan Islam. Penyelidik mencadangkan agar Politeknik Malaysia menganjurkan Kursus atau Seminar Perubatan Islam secara berterusan bagi memberikan pendedahan ilmu perubatan Islam kepada para pelajar.

Walaupun jawapan responden membuktikan kefahaman mereka terhadap perubatan alternatif Islam adalah tinggi, namun masih terdapat beberapa perkara yang perlu diberikan penekanan terutama mengenai penggunaan bahan-bahan di dalam rawatan. Hal ini kerana, terdapat bahan-bahan rawatan yang dilarang untuk digunakan. Melalui soal selidik, terdapat segelintir daripada responden memberikan jawapan yang tidak wajar terhadap perkara ini.

Akhir sekali, para pelajar juga disarankan untuk mempelajari ilmu perubatan Islam mengikut saluran yang betul dan diperakui oleh badan yang berautoriti seperti JAKIM dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Penyelidik mencadangkan kepada para pelajar atau mereka yang berminat agar mempelajari ilmu perubatan Islam daripada Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia (Darussyifa') kerana ia adalah badan tunggal yang mewakili perubatan Islam dan diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Darussyifa' telah diasaskan oleh Almarhum Tuan Guru Dr Haron Din dan nama Darussyifa' juga telah dikenali bukan sahaja di Malaysia malahan di peringkat global. Jadi tiada keraguan terhadap persatuan ini kerana tenaga pengajarnya adalah daripada kalangan para asatizah yang diyakini keilmuannya malahan para perawat Darussyifa' perlu mempelajari ilmu perubatan Islam secara teori selama lebih kurang setahun, perlu melalui pelbagai peringkat ujian, menjalani latihan praktikal sebelum diperakui sebagai perawat Darussyifa'. Para pelajar juga disarankan untuk menyelidik sebelum mendapatkan apa-apa rawatan daripada mana-mana perawat atau pengamal perubatan agar mereka tidak mudah dimanipulasi atau ditipu. Hal ini bagi mengelakkan mereka mendapatkan rawatan daripada bomoh, pawang dan dukun yang sememangnya amat sinonim dengan amalan-amalan syirik dalam kaedah rawatan mereka.

Rujukan

- Abi Abdillah Muhammad Yazid Al-Qazwini. 1998. *Sunan Ibn Majah*. Riyadh, Saudi: Maktabah Al-Maa'rif.
- Ariffin, Mohd Farhan Md et al. 2013. "Seni Perubatan Alternatif Di Malaysia: Analisis Permasalahan Metode Rawatan." *GJAT* 3(2): 79–90.
- Bahagian Penyelidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan. 2017. *Garis Panduan Perubatan Menurut Islam*. Paroi, Negeri Sembilan: Pusat Dakwah Islamiah Negeri Sembilan.
- Haron Din. 2009. *Menjawab Persoalan Makhluq Halus: Kaitannya Dengan Penyakit Dan Pengubatan*. Bangi, Selangor: Persatuan Kebajikan Perubatan dan Pengubatan Islam Malaysia & Koperasi Darussyifa' Berhad.
- Haron Din. 2011. *Pengantar Perubatan Islam*. Bangi, Selangor: Persatuan Kebajikan Perubatan dan Pengubatan Islam Malaysia & Koperasi Darussyifa' Berhad.
- Haron Din. 2015. *Amanat Tuan Guru Dato Dr Haron Din*. Bangi, Selangor: Darussyifa'.
- Ibrahim Isa, Kalidevi Mogan Kumarappa. 2017. "Angkara Bomoh." *Harian Metro*. <https://www.pressreader.com/malaysia/harian-metro/20170604/283296047545791>.
- Ismail Kamus. 2017. *Jin: Rasukan dan Pengubatannya*. Gombak Setia, Kuala Lumpur: Persatuan Perubatan Islam Darussalam Malaysia.
- Izzat, Abu Al Fida' Muhammad. 2007. *Rawatilah Diri Anda Dengan Al-Quran*. Alor Setar, Kedah: Pustaka Darussalam Sdn Bhd.
- JAKIM, Felo Hukum. 2019. "Kumpulan Tapadiri 65 Dan Bathamim 114." JAKIM. [http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/soal_jawab_felo_hukum/6Kumpulan Tapadiri 65 dan Bathamim 114](http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/soal_jawab_felo_hukum/6Kumpulan_Tapadiri_65_dan_Bathamim_114).

- Karim Raslan. 2017. "Suatu Tragedi Malaysia: Kematian Kadet Zulfarhan Osman." <http://www.astroawani.com/ceritalah-asean/Suatu-tragedi-Malaysia-Kematian-kadet-Zulfarhan-Osman>.
- Kasimin, Amran. 2009. *Sihir Suatu Amalan Kebatinan*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. 2019. "Bidang Amalan Yang Diiktiraf." <http://tcm.moh.gov.my/ms/#bidang-amalan-diiktiraf>.
- Malaysia, Jabatan Perangkaan. 2010. "Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik, Agama, Jantina Dan Negeri, Malaysia." <https://www.statistics.gov.my/censusatlas/images/ReligionEN.pdf>.
- al-Ma'ani, Usamah Bin Yasin. 2017. *Ruqyah Syar'iyah*. Jawa Timur, Indonesia: Yayasan Ruqyah Learning Center Indonesia.
- Mohd Farhan Md Ariffin, Khadher Ahmad, Anuar Ramli. 2015. "Keperluan Terhadap Rawatan Alternatif Islam: Tinjauan Di Zon Selatan Semenanjung Malaysia." In , 167–88.
- Mohd Farhan Md Ariffin, Khadher Ahmad, Muhammad Ikhlas Rosele, and Mohamad Zaim Isamil. 2015. "Pusat Perubatan Alternatif Islam Di Malaysia: Persepsi Perawat Terhadap Aplikasi Jin Dalam Rawatan." *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 9(Januari): 101–39.
- Mohd Najib Abdul Ghafar. 2003. *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Nor Azura Abdul Jalil. 2018a. "Cadang Guna Khidmat Pengamal Perubatan Tradisional - Saksi." BH Online. <http://www.bhplus.com.my/berita/kes/2018/10/490741/cadang-guna-khidmat-pengamal-perubatan-tradisional-saksi>.
- Nor Azura Abdul Jalil. 2018b. "Kombinasi Penyebab Punca Kematian Zulfarhan." MyMetro. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/05/339567/kombinasi-penyebab-punca-kematian-zulfarhan>.
- Nurdeng Deuraseh. 2013. *Rukyah Dalam Islam: Ke Arah Jampi Yang Halal*. Serdang, Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Usamah, Sheikh Abu Al-Barra'. 2017. *Ruqyah Syar'iyah*. Jakarta, Indonesia: Ruqyah Learning Center Indonesia.
- Utusan Online. 2015. "Penglibatan Belia Dalam Rawatan Sunah." <http://www.utusan.com.my/rencana/agama/penglibatan-belia-dalam-rawatan-sunah-1.170628>.
- Wahid Abdussalam Bali. 2012. *Jin Dan Syaitan Dalam Kehidupan Manusia*. Batu Caves, Selangor: Al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd.
- Zaharuddin Abdul Rahman. 2011. *Siri Soal Jawab, Mutiara Akidah Dan Ibadah*. Shah Alam, Selangor: Grup Buku Karangraf.